

PROGRAM FIQH DARAH WANITA 2025

TARIKH : 17 APRIL 2025

HARI : KHAMIS

MASA : 9.00 PAGI – 11.00 PAGI

TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA , MTAJ BUKIT JELUTONG

**FIQH DARAH WANITA**

# DALIL ALQURAN

---

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذًى فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ ۖ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ ۖ فَإِذَا  
تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ۚ ۲۲۲

[SURAH ALBAQARAH : 222]

Dan Ketika mereka bertanya kepadamu tentang haid , katakanlah haid itu adalah suatu kotoran , oleh itu kamu hendaklah menjauhkan diri daripada Wanita Ketika waktu haid , dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci maka campurilah mereka di tempat yang Allah perintahkan kepadamu . Sesungguhnya Allah amat menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri.

# ASBABUN NUZUL

---

- Rasulullah SAW bersabda :

أَصْنَعُوا كُلَّ شَيْءٍ إِلَّا النِّكَاحَ

- *Kamu buatlah semua perkara kecuali nikah (jimak)*
- Orang Yahudi ; Menjauhi isterinya mereka selama mana dalam keadaan haid dan tidak boleh bersosial dengan masyarakat luar
  - Orang Nasrani : Tetap menggauli isteri saat haid
- Orang jahiliyyah : Dilarang makan minum Bersama Wanita haid sehingga suci.

•

# PENGERTIAN HAID

---

- Bahasa : Mengalir سَيَّالَان
- Syarak : Darah semula jadi yang keluar dari pangkal Rahim seorang Wanita yang telah baligh dalam. Keadaan sihat tanpa sebab2 tertentu dan pada waktu yang telah diketahui (Kitab Mughni Al-Muhtaj)

# PERMULAAN HAID

- Permulaan umur haid bagi wanita adalah sekurang-kurangnya sembilan tahun *Qamariah* atau *Hijriah* sebagaimana dinukilkan oleh Imam Khatib al-Syirbini bahawa:

• قَالَ الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَعْجَلُ مَنْ سَمِعَتْ مِنَ النِّسَاءِ يَحْضُنُ نِسَاءَ تَهَامَةَ يَحْضُنُ لَتَسْعَ سِنِينَ أَيْ تَقْرِيْبًا لَا تَحْدِيدًا فَيَتَسَامَحُ قَبْلَ تَمَامِهَا بِمَا لَا يَسَعُ حَيْضًا وَطَهْرًا دُونَ مَا يَسَعُهُمَا وَلَوْ رَأَتْ الدَّمَ أَيَّامًا بَعْضُهَا قَبْلَ زَمَنِ الْإِمْكَانِ وَبَعْضُهَا فِيهِ جَعَلَ الثَّانِي حَيْضًا إِنْ وَجَدَتْ شَرْوْطَهُ الْمَارَّةَ

- Maksudnya: Imam al-Shafi'i RA berkata wanita yang paling cepat aku dengar mengalami haid ialah wanita Tihamah, mereka berhaid ketika berumur sembilan tahun *taqriban* (secara lebih kurang) bukan secara *tahdid* (tepat). Maka jika tidak cukup tempoh haid dan tempoh suci keduanya, sekiranya datang darah sehari semalam sebelum sampai tempoh umur tersebut darah yang datang kedua setelah itu adalah haid sekiranya mencukupi syarat keluarnya haid.

# TEMPOH HAID

---

Paling Sedikit : 24 jam

Paling Minimum : 6 – 7 Hari  
(Ikut Adat)

Paling Banyak 15 Hari 15  
Malam

# WARNA DARAH HAID

---

- INFO
- -Ada juga warna haid berwarna HIJAU dan warna TANAH
- -lanya faktor pemakanan
- (Mazhab Imam Hanafi)




## WAKTU FATRAH فترة

---

- Keadaan yang berselang dalam waktu haid dimana darah tersebut tidak mengalir tetapi jika dilalukan kapas, masih ada warna darah
  - Tiada khilaf Ulama' tentang keadaan waktu fatrah melainkan ianya adalah dalam tempoh haid

# WAKTU NAQO' نقاء

---



## NAQO' DALAM KEADAAN HAID

Masa naqa' (terputus-putus) yang berada dicelah-celah sekurang-kurang haid (24 jam) dan maksimum haid (15 hari)

dihukumkan sebagai haid kerana naqa' mengikut waktu darah haid dengan memenuhi **syarat-syarat** berikut :

- Masa naqa' (terputus) yang berada dicelah-celah antara darah haid yang keluar tidak melebihi maksimum 15 hari.
- Masa naqa' antara celahan darah yang keluar mestilah termasuk himpunan darah yang keluar tidak kurang daripada sekurang-kurang haid (24jam).
  - Masa naqa' mestilah berada ditengah celahan diantara 2 darah

## NAQO' DALAM KEADAAN SUCI

- Naqa' itu suci kerana darah itu petunjuk haid, sementara naqa' (putus/terhenti) itu petunjuk suci. Ini merupakan pandangan kedua dalam mazhab Syafie.
- Naqa' yang datang selepas darah terakhir berhenti keluar dihukumkan sebagai masa suci tanpa khilaf ulama. Sebagai contoh hari terakhir pada hari ketujuh selepasnya tiada darah.
- Naqa' dicelah himpunan haid yang kurang sehari semalam, dianggap darah fasad (istihadah).
  - Sekiranya, bertambah *naqa'* antara darah yang keluar melebihi 15 hari adalah darah istihadah

# KATEGORI WANITA HAID

---

Wanita baru pertama kali mengalami haid sesudah baligh dan dapat membezakan warna darah

Wanita baru pertama kali mengalami haid sesudah baligh tetapi tidak dapat membezakan warna darah

Wanita yang sudah biasa mengalami haid sesudah baligh tetapi tidak dapat membezakan warna darah

Wanita yang sudah biasa mengalami haid dan dapat membezakan warna darah

# CONTOH PENGIRAAN HAID

---

<u>Tempoh haid pertama</u>															<u>Tempoh suci</u>	<u>Haid Kedua</u>
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	- <u>Minimum suci 15 hari</u> - <u>Kebiasaan suci 23 hari</u> - <u>Maksimum suci tiada had</u>	
Maksimum haid 15 hari															}  Antara ciri-ciri istihadah ialah keluar darah selepas tempoh maksimum haid atau keluar darah 2 kali di selangi masa suci 15 hari atau darah kurang daripada 24 jam	
Kebiasaan haid 7 hari																
24 jam																

# CONTOH PENGIRAAN 24 JAM

TARIKH	MASA	KELUAR DARAH / TIDAK KELUAR DARAH	HUKUM
1 Januari	1 pagi	Keluar darah	Darah yang keluar daripadanya ialah haid kerana ia keluar sehari semalam (24 jam) secara berterusan (berhujung) yakni <i>أول قط</i>
	2 pagi	Keluar darah	
	3 pagi	Keluar darah	
	4, 5, 6, 7, 8, 9, 10 dan 11 pagi	Keluar darah	
	12 tengah hari	Keluar darah	
	1 petang	Keluar darah	
	2 petang	Keluar darah	
	3, 4, 5, dah 6 petang	Keluar darah	
	7 malam	Keluar darah	
	8 malam	Keluar darah	
	9 malam	Keluar darah	
	10 malam	Keluar darah	
	11 malam	Keluar darah	
12 malam	Keluar darah		

# CONTOH KIRAAN DARAH TERPUTUS

TARIKH	MASA	KELUAR DARAH / TIDAK KELUAR DARAH	HUKUM
5 Januari	1, 2, 3, 4, 5 dan 6 petang	○	Darah yang keluar daripadanya ialah haid kerana ia keluar sehari semalam (24 jam) secara berterusan (berhubung) <i>أمر قاطع</i>
	7 malam	≈ Waktu fatrah (darah tidak kelihatan)	
	8 malam	≈ Waktu fatrah (darah tidak kelihatan)	
	9 malam	≈ Waktu fatrah (darah tidak kelihatan)	
	10 malam	≈ Waktu fatrah (darah tidak kelihatan)	
	11 dan 12 malam	○	
	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8 pagi	○	
	9 pagi	≈ Waktu fatrah (darah tidak kelihatan)	
	10 pagi	≈ Waktu fatrah (darah tidak kelihatan)	
	11 pagi	○	
	12 tengahari	○	
	Jumlah = 24 jam		

# CONTOH KIRAAN DARAH TERPUTUS 15 HARI

---

TARIKH	MASA	KELUAR DARAH	HUKUM
1 Mac	8 malam	1 jam	Darah yang keluar daripadanya ialah haid kerana ia keluar dalam tempoh sekurang-kurang haid iaitu 24 jam yang digabungkan dengan hari-hari yang lain bersama tempoh kebiasaannya yakni أقل مع غيره
2 Mac	8 malam	1 jam	
3 Mac	7 malam	1 jam	
4 Mac	Sepanjang hari	Tidak keluar (naqo')	
5 Mac	7, 8 dan 9 pagi	3 jam	
6 Mac	6, 7 dan 8 malam	3 jam	
7 Mac	7, 8, 9, 10, 11 pagi, 12 tengah hari dan 1 petang	7 jam	
8 Mac	6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 12 malam	7 jam	
	Jumlah	24 jam	